

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **BANK ISLAM PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DENGAN SME CORP. MALAYSIA UNTUK TINGKAT DAYA SAING PKS**

**KUALA LUMPUR, Selasa, [24 Ogos 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini mengumumkan kerjasama strategiknya dengan SME Corporation Malaysia ("SME Corp. Malaysia") melalui pemerataian Memorandum Persefahaman ("MoU") yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS").

Di bawah MoU ini, kedua-dua pihak akan sama-sama memberikan akses kepada PKS untuk menyertai pelbagai inisiatif, program latihan, program penganugerahan, dan sumber daya lain, serta produk dan perkhidmatan kewangan menyeluruh yang akan meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka dalam pasaran kompetitif hari ini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Mizan Masram, Ketua Pegawai Perniagaan Bank Islam dan Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia; sambil disaksikan oleh Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengurus SME Corp. Malaysia. Turut hadir ialah Rizal Yusof, Ketua Perbankan PKS, Bank Islam dan Sharifah Najwa Syed Abu Bakar, Ketua Pegawai Operasi SME Corp. Malaysia.

Mohd Muazzam berkata, "Bank Islam amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bekerjasama sekali lagi dengan SME Corp. Malaysia. Ini mencerminkan hasil kedua-dua organisasi dalam menyediakan manfaat dan nilai bersama kepada pihak berkepentingan, menerusi pelbagai inisiatif strategik yang dijalankan selama ini. Kerjasama terbaharu ini akan memberi manfaat kepada pelanggan PKS Bank Islam untuk menyertai Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah ("SSFS")."

Beliau menambah, "Kerajaan, menerusi SME Corp. Malaysia, telah memperuntukkan rebat keuntungan 2% kepada pembiayaan PKS, berjumlah RM4 bilion di bawah inisiatif berkenaan. Sejak skim pembiayaan ini dimulakan pada tahun 2013, Bank Islam telah

menyokong 121 pelanggan PKS dengan nilai pembiayaan berjumlah lebih RM133 juta. Dengan penawaran komprehensif yang memberi manfaat kepada PKS, kami berharap untuk meningkatkan jumlah ini susulan pemeteraian MoU hari ini."

Sebagai nilai tambah untuk kerjasama strategik ini, Bank Islam juga akan memperluas rangkaian produk dan perkhidmatan patuh Syariah untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan, termasuk keperluan modal kerja dan perbelanjaan modal, pembiayaan perdagangan, kemudahan bantuan kewangan, bancatakaful, pengurusan tunai dan penyelesaian perbankan elektronik.

Bank Islam juga bakal melancarkan aplikasi mudah alih SMExpert tidak lama lagi, satu inisiatif digital yang menyokong seluruh ekosistem PKS dengan menyediakan sumber perniagaan dan kewangan. Kemudahan yang disediakan ini bertujuan untuk memberi peluang yang lebih baik kepada mereka dalam aspek pertumbuhan dan kemampanan perniagaan. Pakar-pakar perniagaan daripada pelbagai sektor di bawah program Panel Penasihat Pakar PKS ("SEAP") oleh SME Corp. Malaysia akan bergabung dengan SMExpert, sebagai Penasihat Komuniti platform ini.

Selain itu, pelanggan PKS juga dapat meningkatkan kapasiti perniagaan mereka melalui Program Peningkatan Entrepris Bumiputera ("BEEP"), SMEs Go Global dan Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan ("SCORE"), di samping layak menyertai Anugerah Enterprise 50 berprestij, anjuran SME Corp.

"Pemeteraian MoU hari ini menandakan satu lagi kejayaan bagi Bank Islam dalam misinya untuk memacu ekonomi Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi. Kami berharap bahawa kerjasama strategik ini akan terus mendorong pertumbuhan sektor PKS, memastikan daya tahan mereka dan sekali gus menyumbang kepada pembangunan semula negara pasca-COVID-19," tambah Mohd Muazzam.

Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee pula berkata, "Kerjasama strategik antara SME Corp. Malaysia dan Bank Islam adalah sebahagian daripada usaha proaktif untuk memberikan peluang perniagaan kepada PKS yang layak di Malaysia."

"Dengan memanfaatkan platform niaga-ke-niaga (B2B) yang ditawarkan oleh Bank Islam serta sokongan pembiayaan yang dinyatakan dalam MoU, kami berharap inisiatif berkaitan dapat membantu PKS untuk mengekalkan perniagaan mereka, terutamanya pada masa yang mencabar ini."

Bank Islam telah lama menjalin usaha sama dengan SME Corp. Malaysia sejak 2013 dengan menyediakan penyelesaian kewangan Islam sambil menyokong pelbagai program yang dimulakan oleh Agensi Penyelaras Pusat yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini.

Hubungan simbiotik terus diperkuuh dengan SME Corp. Malaysia menyokong Bank Islam dalam merealisasikan misinya untuk memupuk dan mengembangkan segmen PKS, termasuk berkongsi kepakaran mereka untuk memperkasakan usahawan PKS melalui pengajuran Program Pembangunan PKS Bank Islam 2.0. Kedua-dua pihak juga bekerjasama untuk memastikan kejayaan program iTEKAD; sebuah program kewangan sosial yang holistik bertujuan menyediakan penjanaan pendapatan yang mampan dan membentuk daya tahan kewangan usahawan mikro asnaf dan B40 dalam menghadapi kesan pandemik COVID-19.

Untuk makluman lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900900.

#### **Untuk Bank Islam, sila hubungi:**

<b>Rohazida Mohamed</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 012-231 8602 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:rohazidam@bankislam.com.my">rohazidam@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan, Perhubungan Awam, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bankislam.com.my">omar@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>
---	--

#### **Mengenai SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dengan visi untuk menjadi organisasi utama menerajui pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang progresif bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara. SME Corp. Malaysia bertindak sebagai pusat rujukan bagi penyelidikan dan penyebaran data berkaitan PKS, menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di seluruh negara, menyelaras pelaksanaan program pembangunan, melakukan penilaian ekonomi dan akreditasi PKS, melaksanakan dan menyokong program pembangunan perniagaan serta memudahkan akses ke pasaran domestik dan antarabangsa.

Ditubuhkan pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia sebelum ini dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Pada 2 Oktober 2009, di bawah mandat Majlis Pembangunan PKS

Nasional yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, SMIDEC ditugaskan untuk memikul peranan Agensi Penyelaras Pusat dalam pembangunan PKS dan secara rasmi dijenamakan semula sebagai SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia).

Untuk makluman lanjut dan pertanyaan, sila hubungi **Encik Muhammad bin Ibrahim (019-664 6407** atau emel [mohamad@smeCorp.gov.my](mailto:mohamad@smeCorp.gov.my)) atau **Encik Mohamad Firdhouse Mohamad Tajuddin (019-315 6908** atau emel [firdhouse@smeCorp.gov.my](mailto:firdhouse@smeCorp.gov.my)).

**SME Corp Malaysia**

Aras 6, Block B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tel : 1300-30-6000

Faks : 03-2775 6001

Emel: [info@smeCorp.gov.my](mailto:info@smeCorp.gov.my)

Laman web: [www.smeCorp.gov.my](http://www.smeCorp.gov.my)